

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Thursday, 11 April, 2019 1:50 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Mahasiswa Dedah Teknologi Augmented Reality Kepada Komuniti Luar Bandar



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

11 APRIL 2019 / 05 SYAABAN 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Seksyen Media

MAHASISWA DEDAH TEKNOLOGI AUGMENTED REALITY KEPADA KOMUNITI LUAR BANDAR



UUM ONLINE: Graduan cemerlang pascasiswazah pendidikan Universiti Utara Malaysia (UUM) membantu merapatkan jurang digital komuniti luar bandar dalam Bina Insan Guru: *Professional Learning Community Engagement Using Augmented Reality* di Kg. Chegar, Tunjang, Jitra, baru-baru ini.

Penyelaras program PGDE, Dr. Siti Nazuar Sailin berkata, program ini memberi nilai tambah kepada Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan (PGDE), Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden (SEML), UUM.

Jelasnya, program ini membentuk profesional guru yang mempunyai kemantapan ilmu pengetahuan, akhlak, nilai kerohanian dan aura keguruan seiring Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Guru.

“Acara ini menjalin silaturahmi antara pelajar dan staf UUM dengan komuniti luar bandar sekali gus merealisasikan program UUM “1 Pusat Pengajian, 1 Daerah”.

“Program ini berjaya menjadi platform perkongsian ilmu pengetahuan berasaskan teknologi digital seperti *Augmented Reality* dan gamifikasi kepada pelajar dan komuniti, seterusnya membantu mengurangkan jurang digital dalam kalangan pelajar luar bandar,” ujarnya.

Pada sesi pagi, mereka berpeluang belajar Matematik melalui pendekatan Didik Hibur (*Fun Learning*) seperti aktiviti *Explorace* dan dam Matematik berasaskan teknologi *Augmented Reality*

Peserta teruja kerana pertama kali menggunakan teknologi ini misalnya dalam dam Matematik yang mana di setiap 'point' pelajar perlu imbas guna telefon bimbit yang akan mengeluarkan imej/video soalan/klu.

Manakala sesi petang, slot 'Berjaya Dunia Cemerlang Akhirat' melalui aktiviti berasaskan teknologi digital dan gamifikasi atau permainan.

Kedua-dua slot yang berunsurkan Matematik dan Pendidikan Moral ini menekankan kepentingan psikomotor, penyelesaian masalah, komunikasi dan semangat berpasukan.

Melalui program ini, 34 graduan PGDE menjadi fasilitator berpeluang mengaplikasi ilmu pengetahuan Matematik dan Pendidikan Moral yang dipelajari di universiti dalam setiap slot yang dilaksanakan.

Selain itu, program sehari itu juga diisi dengan aspek khidmat komuniti, motivasi, tazkirah dan pemupukan nilai murni membabitkan 40 pelajar.

Sementara itu, Penyelaras Program Sarjana Sains, SEML, Prof. Madya Dr. Fauzi Husin yang mewakili Dekan SEML menyifatkan program ini sebagai manifestasi dalam mewujudkan interaksi dua hala di antara guru pelatih dengan komuniti.

“Mereka berkongsi pengalaman yang ditimba untuk diaplikasikan setelah memasuki bidang pendidikan sepenuhnya apabila berada di sekolah nanti.

“Program seumpama ini sangat berkesan untuk menajamkan kemahiran berfikir para pelajar dalam mencari penyelesaian untuk sesuatu masalah pembelajaran Matematik dan Pendidikan Moral dari pelbagai sudut,” katanya.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
04-928 3048/3049/3052/3061
04-928 3053
ukkuum@uum.edu.my
Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.